BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 03/11/09

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Rabu, 23 Mac 2011

Laporan Tahunan 2010 Bank Negara Malaysia

Pemulihan ekonomi global yang berterusan pada tahun 2010 telah bermula pada separuh kedua tahun 2009. Sungguhpun begitu, persekitaran antarabangsa masih begitu tidak menentu disebabkan oleh kelemahan struktural yang berterusan dalam ekonomi maju dan perubahan besar dalam pasaran kewangan global. Walau bagaimanapun, ekonomi sedang pesat membangun kembali mencatat pertumbuhan ekonomi pada kadar yang cepat, tetapi menghadapi cabaran yang semakin sukar ekoran aliran modal yang turun naik dan tekanan inflasi yang semakin meningkat. Dalam persekitaran sebegini, ekonomi Malaysia terus mencatat pertumbuhan dan disokong oleh peningkatan aktiviti dalam negeri yang kukuh serta integrasi yang lebih meluas dengan rantau ini. Laporan Tahunan ini memberikan analisis terperinci tentang perkembangan dalam ekonomi Malaysia dan dasar yang dilaksanakan oleh Bank sepanjang tahun ini, serta penilaian terhadap prospek ekonomi yang berlatarkan perkembangan yang sedang berlaku dalam landskap ekonomi dan kewangan global serta cabaran utama pada masa hadapan.

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2010

Selepas mengalami kemerosotan pada tahun 2009, ekonomi Malaysia kembali mencatat pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2010 dengan peningkatan sebanyak 7.2%. Pertumbuhan dipacu terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang teguh, dengan peningkatan yang kukuh dalam aktiviti sektor swasta. Sementara itu, sektor awam terus menyokong ekonomi dalam negeri melalui pelaksanaan program penambahbaikan infrastruktur negara dan sistem penyampaian sektor awam yang berterusan. Permintaan luar negeri meningkat semula dengan kukuh pada separuh tahun pertama, disokong oleh permintaan serantau yang kukuh dan sebahagiannya oleh kesan asas pertumbuhan yang lebih rendah pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, permintaan luar negeri menjadi sederhana pada separuh tahun kedua sejajar dengan perdagangan global yang lebih perlahan dan kesan asas pertumbuhan yang makin berkurang.

Permintaan dalam negeri berada dalam keadaan yang teguh. Bagi keseluruhan tahun ini, permintaan dalam negeri agregat keseluruhan berkembang dengan kukuh sebanyak 6.3% (2009: -0.5%). Penggunaan swasta berkembang pada kadar sebanyak 6.6% (2009: 0.7%), disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang lebih baik dan peningkatan pendapatan yang stabil. Harga minyak sawit mentah dan getah yang lebih tinggi menyokong peningkatan perbelanjaan oleh isi rumah di luar bandar. Akses kepada kredit yang berterusan berikutan persekitaran monetari yang akomodatif turut menyokong perbelanjaan pengguna. Perbelanjaan pengguna yang teguh ditunjukkan melalui prestasi kukuh penunjuk penggunaan utama seperti jualan kereta penumpang, jualan runcit dan import barangan penggunaan.

Pelaburan swasta meningkat semula dengan kukuh dan mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 13.8% pada tahun 2010 (2009: -17.2%). Perbelanjaan modal meningkat dalam semua sektor berikutan keadaan ekonomi dalam negeri yang menggalakkan dan permintaan luar negeri yang bertambah baik. Prestasi aktiviti pelaburan yang kukuh dicerminkan melalui penunjuk pelaburan utama yang bertambah baik. Import barangan modal meningkat sebanyak 16.2%, manakala jualan bahan berkaitan pembinaan meningkat sebanyak 11% pada tahun 2010.

Sektor awam terus memberikan sokongan kepada pertumbuhan pada tahun ini. Pelaburan swasta meningkat sebanyak 5.5% (2009: 8%), sebahagiannya mencerminkan pelanjutan pakej rangsangan kedua yang berjumlah RM5 bilion pada separuh tahun pertama. Perbelanjaan pembangunan disalurkan terutamanya ke arah menambah baik infrastruktur luar bandar dan pengangkutan awam di bandar serta mempertingkat penyediaan pendidikan awam dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Sementara itu, pertumbuhan dalam penggunaan awam menjadi sederhana sebanyak 0.1% (2009: 3.1%), disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih rendah untuk bekalan dan perkhidmatan apabila Kerajaan mengkaji semula keutamaan program perbelanjaan dan mengurangkan perbelanjaan bukan asas. Namun begitu, perbelanjaan terhadap emolumen adalah lebih tinggi, sebahagiannya disebabkan oleh penambahbaikan dalam skim gaji bagi segmen dalam perkhidmatan awam terpilih.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi mencatat prestasi yang kukuh pada tahun 2010. Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 6.8% (2009: 2.6%) dan merupakan penyumbang terbesar kepada pertumbuhan, dengan sumbangan sebanyak 3.9 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan. Sektor ini meningkat sebanyak 7.9% pada separuh tahun pertama, didorong oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam semua subsektor. Dengan permintaan luar negeri yang lebih perlahan memberikan kesan kepada subsektor perkhidmatan berkaitan perdagangan dan perkilangan, pertumbuhan menjadi sederhana sebanyak 5.8% pada separuh tahun kedua. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam aktiviti penggunaan dalam negeri terus memanfaatkan subsektor perkhidmatan yang bergantung pada permintaan dalam negeri, khususnya subsektor perdagangan borong dan runcit; dan subsektor komunikasi.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Sektor perkilangan meningkat semula dengan kukuh dan mencatat pertumbuhan sebanyak 11.4% (2009: -9.4%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang tinggi pada separuh tahun pertama, dalam industri berorientasikan eksport dan dalam negeri. Dalam industri berorientasikan eksport, pertumbuhan kelompok keluaran elektronik dan elektrik (E&E) disokong oleh pemulihan pelaburan IT syarikat korporat global dan perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi bagi barangan elektronik, manakala pertumbuhan kelompok berkaitan sumber adalah sejajar dengan pemulihan dalam persekitaran luar. Pertumbuhan teguh industri berorientasikan dalam negeri disokong terutamanya oleh aktiviti penggunaan dalam negeri yang kukuh. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan sektor ini menjadi sederhana menjelang akhir tahun disebabkan oleh permintaan luar negeri yang lebih perlahan dan kesan asas pertumbuhan yang lebih rendah pada tahun sebelumnya yang berkurang.

Sektor pembinaan berkembang sebanyak 5.2% pada tahun 2010 (2009: 5.8%). Pertumbuhan disokong terutamanya oleh subsektor bukan kediaman, mencerminkan pembinaan harta tanah komersial serta naik taraf dan baik pulih bangunan awam. Subsektor kejuruteraan awam terus berkembang berikutan kemajuan yang berterusan dalam pelaksanaan projek infrastruktur. Aktiviti pembinaan dalam subsektor kediaman merosot, dengan bilangan unit harta kediaman baharu yang lebih kecil dilancarkan oleh pemaju, khususnya pada awal tahun 2010. Sementara itu, harga rumah meningkat pada kadar tahunan sebanyak 6% pada tiga suku pertama tahun 2010, hampir dua kali ganda kenaikan purata sebanyak 3.4% pada tahun 2000 – 09.

Sektor pertanian (termasuk perhutanan dan perikanan) berkembang sebanyak 1.7% (2009: 0.4%). Pengeluaran tanaman makanan kekal mampan, sementara pengeluaran tanaman perindustrian menurun pada kadar lebih perlahan disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran getah ekoran harga yang lebih tinggi. Harga komoditi pertanian global meningkat dengan nyata pada tahun ini berikutan permintaan yang lebih tinggi dalam keadaan kekangan penawaran disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk. Harga minyak sawit mentah terus meningkat dengan nyatanya pada tahun ini manakala harga getah ditutup pada harga paling tinggi pada 30 Disember 2010.

Sektor perlombongan meningkat sebanyak 0.2% (2009: -3.8%) disokong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi untuk memenuhi peningkatan permintaan dari pengimport utama seperti Jepun dan Taiwan, dan tahun ini merupakan tahun pertama gas asli dieksport ke RR China lengkap setahun. Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak mentah terus merosot disebabkan terutamanya oleh pengeluaran yang lebih rendah dari medan minyak yang semakin matang dan penutupan beberapa telaga minyak untuk tujuan penyelenggaraan.

Keadaan pasaran pekerja bertambah baik pada tahun 2010, seperti yang dicerminkan oleh pemberhentian pekerja yang lebih rendah, bilangan kekosongan jawatan yang lebih banyak dan peningkatan dalam guna tenaga. Kadar pengangguran merosot kepada 3.2% daripada tenaga kerja (2009:

3.7%), berikutan pertumbuhan guna tenaga yang lebih kukuh (1.8%; 2009: 0.4%), berbanding dengan pertumbuhan dalam tenaga kerja (1.3%; 2009: 0.8%).

Peningkatan inflasi pada tahun ini didorong oleh faktor penawaran yang berpunca daripada harga makanan dan komoditi yang lebih tinggi dan pelarasan harga ditadbir. Walau bagaimanapun, inflasi keseluruhan kekal rendah. Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat pada purata 1.7% pada tahun 2010 (2009: 0.6%). Sementara itu, inflasi teras, iaitu penunjuk tekanan harga berasaskan permintaan, menjadi sederhana kepada 1.5% pada tahun 2010 (2009: 2.7%).

Kedudukan luaran Malaysia kekal berdaya tahan pada tahun 2010, disebabkan oleh lebihan akaun semasa yang besar dan aliran keluar bersih yang lebih rendah dalam akaun kewangan. Peningkatan permintaan dalam negeri yang pesat mendorong pertumbuhan kukuh dalam import kasar yang telah mengatasi pertumbuhan eksport kasar, lantas menyebabkan lebihan dagangan yang lebih kecil. Akaun perkhidmatan mencatat lebihan kecil, disokong oleh penerimaan lebih tinggi daripada pelancongan serta perkhidmatan komputer dan IT. Sementara itu, aliran keluar bersih yang lebih rendah dalam akaun kewangan mencerminkan terutamanya aliran masuk pelaburan portfolio dan pelaburan langsung asing (Foreign Direct Investment, FDI) yang lebih tinggi dengan keadaan ekonomi global dan dalam negeri yang bertambah baik.

Eksport kasar berkembang sebanyak 15.6% pada tahun 2010 (2009: -16.5%), dengan pertumbuhan yang secara relatifnya lebih kukuh pada separuh tahun pertama kerana disokong oleh permintaan serantau yang kukuh, dan sebahagiannya oleh kesan asas pertumbuhan yang lebih rendah pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, momentum pertumbuhan menjadi sederhana pada separuh tahun kedua disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam eksport perkilangan, iaitu eksport keluaran E&E. Sebaliknya, eksport komoditi kekal berdaya tahan sepanjang tahun ini dan berkembang sebanyak 26.9% (2009: -28.2%), disokong oleh permintaan serantau yang teguh dan harga komoditi yang tinggi. Import kasar berkembang sebanyak 21.7% (2009: -16.3%), dengan pengembangan merentas semua kategori import utama, mencerminkan peningkatan dalam aktiviti perkilangan dan permintaan dalam negeri yang teguh.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM21.9 bilion (2009: -RM80.2 bilion). Aliran masuk portfolio bersih meningkat seiring dengan trend serantau berikutan prospek pertumbuhan yang kukuh serta jangkaan bahawa mata wang serantau akan lebih kukuh dan kadar faedah akan lebih tinggi. Keadaan ekonomi global yang bertambah baik dan keberuntungan korporat, serta iklim pelaburan yang lebih menggalakkan mendorong aliran masuk FDI yang lebih tinggi. Pelaburan langsung di luar negeri juga meningkat kerana syarikat Malaysia terus memanfaatkan peluang yang menguntungkan di luar negeri. Walau bagaimanapun, aliran keluar pelaburan lain, yang sebahagian besarnya merupakan kredit perdagangan

dan penempatan deposit di luar negeri oleh pemastautin, menjadi sederhana pada tahun ini. Pada 28 Februari 2011, paras rizab berjumlah RM338.6 bilion (bersamaan dengan USD109.8 bilion), memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan ialah 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek. Rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank tetap boleh guna dan tiada halangan untuk menggunakannya.

Hutang luar negeri Malaysia berkurang kepada RM226.3 bilion atau bersamaan dengan 30.2% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) pada akhir tahun 2010. Ini mencerminkan penurunan dalam hutang jangka sederhana dan jangka panjang disebabkan oleh pembayaran balik bersih pinjaman luar oleh sektor swasta. Dalam sektor awam, Perbadanan Awam Bukan Kerajaan (PABK) turut mencatat pembayaran balik bersih pinjaman luar, termasuk kematangan beberapa bon. Sebaliknya, Kerajaan Persekutuan mencatat ambilan bersih bagi pinjaman luar, terutamanya disebabkan oleh terbitan sukuk global 5 tahun bernilai USD1.25 bilion pada bulan Mei 2010. Terbitan sukuk adalah untuk mempromosikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam global dan mewujudkan tanda aras dolar AS yang baharu untuk syarikat Malaysia. Pada tahun ini, hutang luar negeri jangka pendek terkumpul meningkat kepada RM79.4 bilion, disebabkan terutamanya oleh peminjaman sektor swasta bukan bank yang lebih tinggi. Hutang luar negeri jangka pendek secara relatifnya kekal kecil, mencakupi hanya 10.6% daripada PNK, 24.2% daripada rizab antarabangsa dan 10.7% daripada eksport barangan dan perkhidmatan.

Keadaan Monetari dan Kewangan Domestik Pada Tahun 2010

Dengan pemulihan semakin kukuh, fokus dasar monetari pada awal tahun 2010 adalah untuk mengembalikan rangsangan monetari yang luar biasa yang dilaksanakan pada tahun 2009 ke tahap wajar. Pengekalan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada paras yang rendah untuk tempoh yang berterusan boleh menyebabkan ketidakseimbangan kewangan dan mewujudkan gangguan terhadap insentif untuk ejen ekonomi. Ini seterusnya akan menyebabkan kesilapan dalam penentuan risiko, pengantaraan kewangan yang terjejas dan pertumbuhan kredit yang berlebihan. Oleh tu, OPR telah dinaikkan secara beransur-ansur, setiap kali sebanyak 25 mata asas, pada bulan Mac, Mei dan Julai 2010.

Dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan. Berikutan kos peminjaman yang masih di bawah paras sebelum krisis yang sememangnya rendah, keadaan pembiayaan kekal menyokong aktiviti ekonomi dengan pertumbuhan pembiayaan sektor swasta kekal kukuh sepanjang tahun 2010. Sementara itu, inflasi kekal rendah pada 1.7% bagi tahun tersebut secara keseluruhan. Berhubung dengan risiko ketidakseimbangan kewangan akan meningkat, penilaian yang dilakukan sepanjang tahun itu menunjukkan bahawa pertumbuhan keseluruhan harga aset dan kredit secara umumnya tidak berlebihan dan terus sejajar dengan keadaan ekonomi yang bertambah baik.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Aliran kewangan antarabangsa dan turun naik yang lebih besar ke dalam ekonomi sedang pesat membangun juga memberikan cabaran kepada dasar pada tahun 2010. Bagi Malaysia, aliran masuk ini adalah terurus dengan tiada tanda-tanda yang jelas aliran masuk tersebut telah mewujudkan ketidakseimbangan dalam ekonomi dalam negeri dan sistem kewangan. Pergerakan kadar pertukaran ringgit kekal teratur, manakala operasi pensterilan memastikan kesan mudah tunai yang berlebihan terhadap keadaan monetari dalam negeri dapat dibendung. Kepelbagaian dan daya tahan sistem kewangan membolehkan dana tersebut disalurkan dengan lebih berkesan, manakala paras rizab antarabangsa yang kukuh mengurangkan risiko yang berpunca daripada aliran tersebut bertukar arah.

Ringgit menambah nilai pada tahun 2010, didorong oleh lebihan akaun semasa dan aliran masuk portfolio bersih. Selain faktor-faktor lazim yang menarik aliran masuk portfolio ke rantau ini, terdapat juga faktor khusus kepada Malaysia yang menjadi pendorong untuk aliran masuk tersebut dan pengukuhan ringgit yang selanjutnya. Ini termasuk pengumuman beberapa inisiatif utama untuk mentransformasikan ekonomi Malaysia dan langkah-langkah liberalisasi seterusnya. Sementara penambahan nilai ringgit secara umumnya teratur, ia diselangi dengan beberapa episod aliran portfolio yang bertukar arah, khususnya selepas krisis hutang kerajaan di Eropah pada bulan Mei dan perkembangan di Ireland pada bulan November yang menyebabkan ketidakpastian semakin tinggi. Bagi tahun tersebut secara keseluruhan, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS, euro dan paun sterling, tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun.

Pasaran ekuiti dalam negeri terus meningkat dengan stabil pada awal tahun 2010 tetapi mengalami pembetulan pada bulan Mei berikutan perkembangan di Eropah. Walau bagaimanapun, pasaran kembali pulih pada separuh kedua tahun itu seiring dengan keadaan pasaran global yang bertambah baik, prestasi syarikat yang kukuh dan langkah-langkah Kerajaan yang positif. Bagi tahun 2010 secara keseluruhan, FBM KLCI meningkat sebanyak 19.3% (2009: 45.2%).

Keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan adalah lebih daripada mencukupi sepanjang tahun 2010. Mudah tunai sektor swasta berkembang dengan kadar yang perlahan, sejajar dengan pemulihan ekonomi benar dan penerusan semula aliran masuk asing. Operasi pensterilan Bank Pusat adalah penting dalam memastikan bahawa terdapat mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong ekonomi, tetapi tidak berlebihan sehingga boleh menyebabkan sumber kewangan salah diperuntukkan.

Keadaan pembiayaan kekal menyokong aktiviti ekonomi. Akses kepada pembiayaan yang tersedia, kos peminjaman yang secara relatif rendah dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan menyokong permintaan terhadap pembiayaan dari sektor swasta dan juga sektor awam. Pembiayaan bersih yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat sebanyak 11.3% (2009: 8.4%) dengan permintaan yang kukuh daripada sektor perniagaan dan sektor isi rumah.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Prospek Ekonomi Malaysia pada tahun 2011

Ekonomi Malaysia diunjurkan mencatat pertumbuhan sebanyak 5-6% pada tahun 2011. Pertumbuhan dijangka bertambah baik sepanjang tahun tersebut dengan prestasi pertumbuhan yang lebih baik pada separuh kedua tahun itu. Momentum pertumbuhan akan disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh, berpunca terutamanya daripada aktiviti sektor swasta. Penggunaan swasta akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, keyakinan pengguna yang berterusan dan akses kepada pembiayaan yang tersedia. Pelaburan swasta dijangka kekal kukuh, disokong oleh perbelanjaan modal oleh industri berorientasikan dalam negeri memandangkan paras penggunaan kapasiti yang tinggi dan keyakinan perniagaan yang positif, selain pelaksanaan inisiatif utama yang diumumkan oleh Kerajaan di bawah Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme, ETP). Sementara itu, sektor awam akan kekal menyokong pertumbuhan, dengan perbelanjaan modal yang lebih tinggi dijangka pada separuh kedua tahun 2011. Hal ini disebabkan terutamanya oleh pelaksanaan projek baharu dan perkembangan pesat projek yang sedang dijalankan bagi menggalakkan aktiviti sektor swasta.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi dijangka berkembang pada tahun 2011, disokong terutamanya oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan. Sektor perkhidmatan dan perkilangan dijangka berkembang, meskipun pada kadar yang lebih sederhana disebabkan oleh asas pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2010 dengan pengembangan didorong oleh subsektor yang bergantung pada permintaan dalam negeri. Industri perkhidmatan berkaitan perdagangan dan industri perkilangan berorientasikan eksport, walau bagaimanapun, akan mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan, sejajar dengan permintaan luaran yang dijangka sederhana. Sementara itu, pertumbuhan dalam sektor pertanian dan perlombongan diunjurkan kukuh, dengan masing-masing memperoleh manfaat daripada pemulihan yang dijangkakan dalam pengeluaran tanaman perindustrian berikutan harga komoditi yang tinggi dan pengeluaran gas asli yang lebih banyak susulan pembukaan dua medan gas baharu. Kemajuan selanjutnya dalam projek infrastruktur yang sedia ada dan projek baharu yang sedang dilaksanakan di bawah ETP akan memberikan dorongan kepada sektor pembinaan.

Bagi sektor luar, lebihan akaun semasa diunjurkan berjumlah RM100.7 bilion atau 12.5% daripada PNK pada tahun 2011, mencerminkan lebihan dagangan yang lebih tinggi dan akaun perkhidmatan yang terus mencatat lebihan. Lebihan dagangan yang lebih besar dijangka berpunca terutamanya daripada eksport komoditi yang kukuh disokong oleh harga yang lebih tinggi dan permintaan yang berterusan, terutamanya dari rantau ini. Sementara itu, lebihan dalam akaun perkhidmatan akan didorong oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada akaun perjalanan dengan ketibaan pelancong dijangka meningkat, terutamanya dari rantau ini, berikutan kempen promosi yang aktif dan peningkatan akses ke negara ini melalui syarikat penerbangan tambang murah. Bagi akaun kewangan, aliran masuk pelaburan langsung asing

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

dijangka meningkat memandangkan prospek ekonomi yang menggalakkan, perolehan syarikat yang lebih baik, keyakinan perniagaan yang meningkat, aliran FDI global yang terus bertambah baik dan projek transformasi ekonomi oleh Kerajaan yang pelbagai. Pelaburan langsung luar negeri dijangka kekal besar kerana syarikat terus mencari pasaran dan peluang perniagaan baharu di luar negeri.

Unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah berdasarkan jangkaan pertumbuhan yang sederhana dalam ekonomi maju dan kadar pertumbuhan ekonomi Asia yang kembali normal. Namun demikian, masih terdapat risiko terhadap unjuran pertumbuhan, termasuk keadaan luaran yang lebih buruk daripada dijangka, turun naik yang ketara dalam aliran modal memandangkan ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran antarabangsa, serta inflasi yang lebih tinggi daripada jangkaan yang berpunca daripada faktor-faktor yang didorong oleh penawaran.

Keadaan pasaran pekerja dijangka kekal positif pada tahun 2011, dengan pengembangan yang berterusan dalam guna tenaga yang berpunca terutamanya daripada pertumbuhan dalam sektor berorientasikan dalam negeri. Pewujudan pekerjaan akan diterajui oleh sektor perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor perdagangan edaran, kewangan dan insurans serta komunikasi. Dalam sektor perkilangan, walaupun terdapat pertumbuhan lebih sederhana dalam industri berorientasikan eksport, pertambahan dalam guna tenaga akan kekal teguh, disokong oleh pengembangan dalam kelompok berkaitan pengguna dan berkaitan pembinaan. Kadar pengangguran diunjurkan kekal pada 3.2% daripada jumlah pekerja pada tahun 2011.

Inflasi keseluruhan dijangka terus meningkat pada tahun 2011 dan berpurata pada 2.5 – 3.5%, didorong terutamanya oleh peningkatan ketara dalam harga komoditi dan tenaga global. Terdapat juga beberapa tanda awal bahawa faktor permintaan dalam negeri boleh memberikan tekanan menaik terhadap harga pada akhir tahun sejajar dengan pengembangan yang berterusan dalam aktiviti ekonomi.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada tahun 2011

Dalam persekitaran ekonomi global yang mencabar, fokus dasar adalah untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang berterusan sambil menguruskan risiko kepada inflasi. Dasar fiskal akan ditumpukan ke arah menyediakan negara menjadi ekonomi maju dan yang berpendapatan tinggi. Matlamat ini akan dicapai melalui langkah-langkah untuk mengukuhkan pelaburan swasta dan meningkatkan infrastruktur serta sistem penyampaian sektor awam. Antara langkah yang diumumkan dalam Bajet 2011 untuk mempermudah aktiviti sektor swasta termasuk inisiatif perkongsian sektor awam-swasta dalam pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan, mengenal pasti projek berimpak tinggi untuk pelaburan sektor swasta dan meningkatkan sumber pembiayaan sektor swasta.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Dasar monetari akan terus mempermudah pertumbuhan ekonomi sementara menguruskan risiko inflasi dan ketidakseimbangan kewangan yang meningkat yang berpunca daripada mudah tunai global yang tinggi, aliran modal yang turun naik dan harga komoditi yang tinggi. Instrumen sasaran tambahan seperti langkah-langkah pemberian pinjaman kehematan makro boleh dilaksanakan jika aktiviti pengambilan risiko yang keterlaluan dan harga aset semakin naik berlaku pada segmen tertentu dalam pasaran. Sebagai langkah awalan untuk menguruskan risiko mudah tunai berlebihan yang meningkat, nisbah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) telah dinaikkan daripada 1.00% kepada 2.00%, berkuat kuasa 1 April 2011.

Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang Diaudit bagi Tahun 2010

Kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia, yang telah diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara, kekal kukuh pada tahun 2010. Aset Bank Negara Malaysia berjumlah RM390.2 bilion dengan keuntungan bersih sebanyak RM6.2 bilion untuk tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2010. Bank Negara Malaysia mengumumkan pembayaran dividen sebanyak RM2 bilion kepada Kerajaan bagi tahun 2010.

Bank Negara Malaysia
23 Mac 2011

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my